



**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI**  
**PINDAAN PERLEMBAGAAN BERKAITAN PENGASINGAN**  
**PERANAN PEGUAM NEGARA DAN PENDAKWA RAYA KELIMA**

**KUALA LUMPUR, 5 MEI 2026** – Saya telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Pindaan Perlembagaan Berkaitan Pengasingan Peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya Bilangan Ke-5 pada hari ini sebagai kesinambungan kepada siri mesyuarat terdahulu dalam usaha memperhalusi cadangan pindaan Perlembagaan yang berkaitan. Mesyuarat kali ini memberi tumpuan kepada penggubalan Rang Undang-Undang ekoran penelitian lanjut terhadap syor-syor yang telah dipersetujui dalam mesyuarat bilangan ke-4.

Dalam mesyuarat hari ini, Jawatankuasa telah mendengar pembentangan daripada Jabatan Peguam Negara berkenaan cadangan draf Rang Undang-Undang baharu yang dirangka berdasarkan syor-syor tersebut. Jawatankuasa juga turut menyasarkan untuk memuktamadkan Rang Undang-Undang ini dalam masa terdekat sebelum suatu penyata yang mengandungi cadangan pindaan dikemukakan menjelang Mesyuarat terakhir yang dijadualkan pada 18 Mei 2026.

Mesyuarat kali ini turut dihadiri oleh Ahli-ahli JKPK iaitu Yang Berhormat Parit Sulong, Selayang, Bangi, Lubok Antu, Bukit Gelugor, Tawau dan Muar, manakala Yang Berhormat Alor Gajah, Larut, Beluran dan Kota Bharu tidak dapat hadir atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Kerajaan MADANI kekal komited untuk memastikan proses pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya dilaksanakan secara teliti, berprinsip dan berlandaskan Perlembagaan, selaras dengan usaha memperkukuh doktrin pengasingan kuasa serta meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap sistem keadilan negara.

**AZALINA OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**  
**5 MEI 2026**

